

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI B. AHMAD
(PARIT SULONG)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemasukan pelancong asing ke dalam negara semasa berlakunya kegagalan teknikal dan gangguan sistem operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian dan Jabatan Imigresen Malaysia tidak berkompromi daripada aspek keselamatan dalam memastikan kawalan di pintu masuk sentiasa dipantau sepanjang berlakunya gangguan teknikal pada sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KLIA1 dan KLIA2 pada bulan Ogos yang lalu.

Pihak JIM sentiasa melaksanakan prosedur mengikut tatacara standard operasi ataupun SOP seperti yang telah ditetapkan dan pegawai kaunter yang juga menurunkan endorsement keluar dan masuk setelah memastikan segala prosedur pemeriksaan serta syarat kemasukan pelawat dipenuhi selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan daripada semasa

SOALAN NO : 8

ke semasa dalam menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Selain itu, pas khas untuk rujukan ke negeri yang ingin dilawati juga dikeluarkan kepada pelawat asing bagi tujuan semakan dan pemeriksaan yang lebih terperinci oleh Jabatan Imigresen Malaysia di negeri tersebut.

Sebagai langkah-langkah tambahan, rujukan Senarai Syak turut diedarkan kepada pegawai kaunter bagi semakan pelawat asing yang tersenarai dalam Senarai Syak jabatan sebelum penurunan cap keselamatan dibuat.

Berdasarkan statistik ketibaan dan pelepasan yang direkodkan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sejumlah 368,042 orang pelawat asing telah tiba ke Malaysia melalui KLIA1 dan KLIA2 dari 21 sehingga 25 Ogos 2019. Manakala seramai 347, 981 orang pelawat asing telah berlepas keluar dari Malaysia melalui KLIA1 dan KLIA2 bagi tempoh yang sama. Pihak JIM turut merekodkan sejumlah 365 orang pelawat asing telah dikenakan arahan Notis Penolakan Masuk bagi tempoh yang sama iaitu 21 hingga 25 Ogos 2019.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami ingin tegaskan di sini bahawa walaupun sistem itu tidak beroperasi ataupun down, pun begitu Jabatan Imigresen masih mampu untuk mengutip rekod-rekod ini dan juga mengelakkan daripada orang yang tidak sewajarnya kita benarkan masuk, kita telah tahan dulu dan hantar mereka keluar. Pihak JIM di KLIA telah mengambil segala langkah kawalan sepanjang insiden kegagalan sistem Total Airport Management System (TAMS) dan sentiasa memastikan kawalan pintu masuk negara tidak dibolosi dengan mudah demi keselamatan negara. Sekian, terima kasih.